

14 MAR 2001

FAIZAH DILANTIK KSU KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Pengarah Seksyen Industri dan Perdagangan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Datin Faizah Mohamad Tahir telah dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.

Menurut kenyataan Pejabat Ketua Setiausaha Negara hari ini pelantikan itu berkuatkuasa Jumaat ini.

Faizah, 50, memulakan karier dalam Perkhidmatan Awam pada April 1973 dan pernah memegang beberapa jawatan penting di Unit Perancang Ekonomi.

Beliau memegang jawatan sekarang sejak 1 Nov 1999.

Penubuhan kementerian itu diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 17 Jan lalu dan Datuk Shahrizat Abdul Jalil dilantik sebagai menterinya yang pertama.

-- BERNAMA

NM AZZ MOZ